

SOALAN NO : 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]
TARIKH :
SOALAN : 37**

YB Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf klinik Inanam untuk menjadi poliklinik.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang mempunyai perancangan untuk menaik taraf klinik Inanam.

Sehingga kini KKM telahpun melaksanakan beberapa kerja pemulihan bangunan klinik sedia ada bagi menampung peningkatan kedatangan pesakit, seperti menaik taraf struktur klinik yang asalnya struktur kayu seperti rumah panjang, kepada bangunan konkrit serta tambahan ruang untuk bangunan klinik ibu dan anak (MCH) pada tahun 2005 dan seterusnya pada tahun 2014 sebuah bangunan lagi dibina untuk pesakit

luar (OPD). Walau bagaimanapun, keluasan klinik yang terhad (2 ekar), menyukarkan kerja-kerja pembangunan yang lebih luas.

Oleh itu KKM sedang berusaha mengenalpasti tapak baru yang sesuai bagi pembinaan sebuah klinik kesihatan yang baru di kawasan Inanam. Cadangan pembangunan klinik kesihatan yang baru akan dipohon setelah tapak dikenalpasti dan dibuat perolehan.